



# NOTA TAKLIMAT FUNGSI PROFIL PERKHIDMATAN





# FOKUS TAKLIMAT



1. Overview Profil Perkhidmatan dan kepentingannya dalam HRMIS
2. Taklimat mengenai Elemen-elemen Data Profil Perkhidmatan
3. Taklimat mengenai tatacara pemindahan maklumat dari Buku Perkhidmatan ke Profil Perkhidmatan



# CIRI-CIRI PROFIL PERKHIDMATAN



1. Output Profil Perkhidmatan dijana oleh aktiviti modul lain dalam HRMIS

Contoh: Gaji Pokok - Submodul Pengurusan Gaji

2. Diselenggara oleh pentadbir atau orang yang diberi kuasa.

Peranan: Service Profile Administrator (Service Profile)

Kod: [12][1204][176]

3. Pengemaskinian maklumat Profil Perkhidmatan harus dilakukan secara berterusan.

4. Penentuan kelayakan seseorang pemilik kompetensi adalah berdasarkan kepada maklumat yang dimasukkan dalam Profil Perkhidmatan.

Contoh: Kelayakan Cuti Rehat bagi M41 adalah 30 hari  
Kelayakan Cuti Rehat bagi N17 adalah 20 hari



# ELEMEN DATA PROFIL PERKHIDMATAN



**STATUS BERPENCEN**

**STATUS LANTIKAN**

**PIHAK BERKUASA BERPENCEN**

**SKIM PERKHIDMATAN**

**JENIS GAJI**

**PIHAK BERKUASA MELANTIK**

**STATUS GAJI**

**KETUA PERKHIDMATAN**

**JENIS PERKHIDMATAN**

**STATUS PERKHIDMATAN**

**GRED GAJI**

**BEBAN PERKHIDMATAN**

**MATA GAJI**

**ASAS WAKTU BERKERJA**

**BULAN PERGERAKAN GAJI**

**STATUS PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

**GAJI POKOK**

**TEMPOH PERCUBAAN**

**GAJI SEBENAR**



# **PENJELASAN SETIAP ELEMEN DATA PROFIL PERKHIDMATAN**



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## STATUS LANTIKAN

Menunjukkan Taraf Lantikan Seseorang Pemilik Kompetensi Dalam Perkhidmatan Kerajaan.

Contohnya: Lantikan Tetap, Sementara, Kontrak, Sambilan, Sangkut

Semua Perubahan Status Lantikan Mesti Dimasukkan Ke dalam Profil Perkhidmatan.

Contohnya: Lantikan Sangkut Kepada Lantikan Sementara Dan Seterusnya Kepada Lantikan Tetap.

Setiap Status Lantikan Ada Impak Kepada Pengurusan Sumber Manusia

1. Peraturan 5, Peraturan-peraturan Pencen 1980 Hanya Mengiktiraf Tempoh Lantikan Tetap Dan Sementara Saja Diambilkira Untuk Faedah Persaraan.
2. Seksyen 7, Akta Pencen 1980 Hanya Membenarkan Pegawai Lantikan Tetap Diberi Taraf Berpencen.



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## SKIM PERKHIDMATAN

Digubal Dan Ditadbir Oleh Jabatan Perkhidmatan Awam

Semua Lantikan Yang Dibuat Oleh Pihak Berkuasa Melantik Disandarkan Kepada Skim Perkhidmatan.

Melalui Skim Perkhidmatan, Seseorang Pengurus Sumber Manusia Dapat Mengetahui Hubungkaitnya Dengan Modul Saraan, Faedah Dan Ganjaran Serta Modul-modul Lain Yang Terlibat.

Contohnya, Bayaran Elaun Kritikal Dikaitkan Dengan Skim Perkhidmatan U.

Skim Perkhidmatan Merupakan Elemen Data Yang Dinamik Dan Akan Berubah Mengikut Keperluan Guna Tenaga Sektor Awam.



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## PIHAK BERKUASA MELANTIK

Suatu Entiti Yang Mempunyai Kuasa Melantik Seseorang Pemilik Kompetensi.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Atau Lain-lain Suruhanjaya Perkhidmatan Diberi Kuasa Di bawah Perkara 144 ( 1 ) Perlembagaan Persekutuan Membuat Pelantikan Untuk Pegawai Persekutuan.

Begitu Juga Dengan Lain-lain Entiti Seperti Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah Sesuatu Agensi Dan Sebagainya.





# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## KETUA PERKHIDMATAN

Suatu Entiti (Berdasarkan Jawatan Sebenar) Yang Mempunyai Kuasa Dan Tanggungjawab Dalam Hal Ehwal Sumber Manusia Ke Atas Pemilik Kompetensi Seperti Penempatan, Pertukaran, Kenaikan Pangkat, Laluan Kerjaya Dan Sebagainya.

### Contohnya:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Merupakan Ketua Perkhidmatan Untuk Skim Perkhidmatan PTD, PTM dan PLV



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## STATUS PERKHIDMATAN

Status Yang Menunjukkan Sumbangan Seseorang Pemilik Kompetensi Kepada Perkhidmatan Samada Aktif, Tidak Aktif Bergaji Penuh, Tidak Aktif Tanpa Gaji Dan Sebagainya.

Maklumat Status Ini Diperolehi Dari Sub Modul Cuti, Pembangunan Mahupun Payroll.



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## BEBAN PERKHIDMATAN

Status Yang Menunjukkan Tahap Sumbangan Dan Komitmen Dari Segi Masa Seseorang Pemilik Kompetensi Dalam Perkhidmatan Kerajaan.  
Contoh: Sepenuh Masa, Separuh Masa Dan Bila Perlu.

Di Masa Hadapan Sepertimana Di Setengah Negara Maju Pengambilan Dibuat Berdasarkan Skil Dan Kompetensi Seseorang Dan Bersifat Separuh Masa Atau Jika Perlu Terutama Dalam Melaksanakan Projek-projek Awam Kerajaan Yang Mempunyai Tempoh Masa Tertentu Untuk Disiapkan.



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## ASAS WAKTU BEKERJA

Indikator Yang Menandakan Asas Waktu Bekerja Seseorang Pemilik Kompetensi.

Contoh: 7.30am - 4.30pm atau  
8.00am - 5.00pm atau  
8.30am - 5.30pm atau  
Lain-lain Waktu Yang Diluluskan Oleh KPPA  
Atau Bekerja Secara Syif

Lazimnya Penetapan Waktu Asas Bekerja Ini Dibuat Di Awal Tahun.

Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan Bil 13/2005



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## STATUS PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Status Yang Menunjukkan Pengesahan Dalam Perkhidmatan Seseorang Pemilik Kompetensi.

Mana-mana Jawatan Yang Ada Tempoh Percubaan Maka Pengesahan Dalam Perkhidmatan Mesti Dibuat.

Penting Untuk Mengemaskini Status Pengesahan Untuk Jawatan Terkini Untuk Memastikan Setiap Pemilik Kompetensi Mendapat Kelayakan Sewajarnya Terutama Dalam Modul Saraan, Faedah Dan Ganjaran Serta Penamatan Perkhidmatan (Penentuan Gaji Akhir Yang Diterima Berdasarkan Gaji Hakiki Bulanan Yang Akhir Diterima).



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## TEMPOH PERCUBAAN

Tempoh Dalam Bulan Yang Perlu Dilalui Oleh Seorang Pemilik Kompetensi Sebelum Dapat Disahkan Dalam Perkhidmatan.

Sekiranya Seseorang Pemilik Kompetensi Masih Dalam Tempoh Percubaan Maka Perkara Ini Hendaklah Dicatat Dengan Memasukkan Tempoh Percubaan Dari 12 Bulan Ke 36 Bulan ( SSM ).

Adalah Lebih Efektif Untuk Memantau Pemilik Kompetensi Yang Masih Dalam Percubaan Berdasarkan Penggunaan Kriteria Bulan.



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## TARAF BERPENCEN

Menunjukkan Status seseorang Pemilik Kompetensi Samada Telah Diberi Taraf Berpencen Atau Tidak Oleh Pihak Berkuasa Pencen

SPP 2/1991 Telah Menetapkan Mana-mana Pegawai Yang Pertama Kalinya Dilantik Ke Perkhidmatan Awam Pada Atau Selepas 12 April 1991 Sebelum Disahkan Dalam Jawatannya Diberi Opsyen Untuk Membuat Pilihan Sama Ada Memilih Skim Pencen Atau Skim KWSP.

Dibawah Seksyen 6a(3) Akta Pencen Pemilihan Opsyen Ini Adalah Muktamad Dan Pegawai Yang Telah Memilih Skim Kwsp Semua Peruntukan Dalam Akta Pencen 1980 Tidaklah Terpakai Bagi Pegawai Sedemikian.

Tempoh Yang Diambilkira Untuk Pemberian Taraf Berpencen Telah Dikurangkan Dari 10 Tahun Semasa JKK Ke 3 Tahun Semasa SSB Dan SSM.



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## PIHAK BERKUASA PENCEN

Entiti Yang Mempunyai Kuasa Untuk Memberi Taraf Berpencen Kepada Pemilik Kompetensi Yang Telah Mematuhi Peruntukan Seksyen 7, Akta Pencen 1980 Untuk Pegawai Awam Persekutuan Dan Pegawai Awam Negeri Dan Seksyen 6, Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 Untuk Anggota Dalam Pihak Berkuasa Berkanun Atau Tempatan.

Bagi Pegawai Awam Persekutuan Atau Negeri, Pihak Berkuasa Pencen Adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Atau Ketua Setiausaha Kementerian Dan Bagi Anggota Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan Adalah Bahagian Pencen, JPA.





# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## JENIS GAJI

Tempoh Pengiraan Gaji Untuk Seseorang Pemilik Kompetensi Seperti Bulanan, Mingguan, Harian, Jam Dan Sebagainya.



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## STATUS GAJI

Status Gaji Yang Berdasarkan Gaji Berjadual Atau Jumlah Yang Tetap. Bagi Mereka Yang Memilih Skim Saraan SSM Gaji Ditetapkan Melalui Jadual Matrik Gaji Manakala Ada Pemilik Kompetensi Yang Menerima Jumlah Gaji Tetap (Terutama Kes-kes Pegawai Kontrak, Sambilan Dan Sebagainya)



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## JENIS PERKHIDMATAN

Merupakan Syarat-syarat Perkhidmatan Dan Saraan Yang Dipilih Oleh Seseorang Pemilik Kompetensi Apabila Kerajaan Memperkenalkan Satu Skim Saraan Yang Baru (JKK, SSB, SSM )

Pemilihan Jenis Perkhidmatan Adalah Muktamad Dan Setiap Pemilik Kompetensi Tertakluk Kepada Jenis Perkhidmatan Yang Dipilih. HRMIS Ada Menyimpan Syarat Perkhidmatan Dan Jadual Gaji JKK, SSB Dan SSM.



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## GRED GAJI

Menunjukkan Satu Tahap Gred Seorang Pemilik Kompetensi Yang Menentukan Jumlah Gaji Dan Lain-lain Kelayakan Yang Diperolehi.

Sebagai Contoh:

M54, R1, F41, ...	-	SSM
M2, F3, ...	-	SSB
A19, C3, B1, ...	-	JKK.



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## MATA GAJI

Merupakan Satu Tahap Khusus Yang Menggabungkan Gred, Peringkat Dan Tangga Gaji Seperti F41P1T5, N17P1T21 Dan Sebagainya.

Ini Merupakan Data Elemen Yang Penting Kerana Jumlah Gaji Tidak Di Masukkan Ke Dalam Sistem. Jumlah Gaji Akan Ditentukan Dengan Memasukkan Gred Gaji Serta Peringkat Dan Tangga Yang Terlibat Berdasarkan Jadual Gaji Matrik Yang Berkuatkuasa.



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## BULAN PERGERAKAN GAJI

Bulan Dimana Seseorang Pemilik Kompetensi Akan Diberi Pergerakan Gaji. Berdasarkan SSM Ada 4 Pergerakan Gaji - Januari, April, Julai Dan Oktober.



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## GAJI POKOK

Menunjukkan Jumlah Gaji Hakiki Yang Diperolehi Akibat Dari Tindakan Memasukkan Maklumat Gred, Peringkat Dan Tangga Gaji.

Hrmis Tidak Membenarkan Jumlah Gaji Di *Key In* Dalam Sistem.



# PENJELASAN SETIAP ELEMEN



## GAJI SEBENAR

Jumlah Gaji Sebenar Yang Diterima Oleh Pemilik Kompetensi Berdasarkan Status Aktif, Separuh Gaji, Tanpa Gaji Dan Sebagainya.





# PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN DALAM PELAKSANAAN PROFIL PERKHIDMATAN

DIMASUKKAN OLEH PEGAWAI YANG  
BERPENGALAMAN

MAKLUMAT PERKHIDMATAN DIRUJUK DARI BUKU  
PERKHIDMATAN ATAU FAIL PERIBADI

PASTIKAN SETIAP ELEMEN DATA LENGKAP DAN  
TERKINI